



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**PUSAT INOVASI MAHASISWA &  
KEUSAHAWANAN TEKNOLOGI  
(UTMXCITE)**

**INSTITUT SISWAZAH TERSEDIA  
KEHIDUPAN (UTMiLeaGue)**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN TABUNG ENDOWMEN  
KEUSAHAWANAN UTM-MTDC SIGNATURE PROGRAM  
2022 - 2025**

**Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan  
boleh diajukan kepada:**

**Encik Muhammad Nabil Fikri Bin Yahaya**  
**Email:** [m\\_nabilfikri@utm.my](mailto:m_nabilfikri@utm.my)  
**No Telefon:** 013-7150584

**Pusat Inovasi Mahasiswa &  
Keusahawanan Teknologi  
(UTMXCITE)**

## 1.0 Pengenalan

Tabung Endowmen Keusahawanan *UTM – MTDC Signature Program* merupakan program yang diperkenalkan sebagai usaha untuk melahirkan usahawan di kalangan pelajar UTM. Program berbentuk pemberian geran modal kepada pelajar ini, dilihat mampu untuk melonjakkan lagi produk-produk inovasi yang dibangunkan oleh pelajar seterusnya menubuhkan syarikat pemula berasaskan teknologi industri 4.0.

Pelaksanaan Tabung Endowmen Keusahawanan *UTM – MTDC Signature Program* adalah bertujuan untuk **mencapai objektif** berikut:

- a. Menyediakan satu platform pendanaan dalam bentuk geran bagi usahawan pelajar berasaskan teknologi dalam membangunkan produk inovasi mereka sewaktu dalam pengajian.
- b. Meletakkan universiti pada kelasnya yang tersendiri melalui produk inovasi yang direkacipta sendiri oleh pelajar dalam mencapai status universiti bertaraf dunia yang inovatif, keusahawanan dan global (Innovative. Entrepreneurial. Global).
- c. Membuka peluang perniagaan yang lebih luas kepada usahawan pelajar berasaskan bidang pengajian mereka melalui pengkomesilan produk inovasi mereka.
- d. Meningkatkan pencapaian *UTM Graduate Employability* menerusi keusahawanan.
- e. Melahirkan dan meningkatkan penghasilan alumni usahawan UTM.

## 2.0 Syarat Permohonan

### 2.1 Syarat Umum

Syarat umum dan kriteria Tabung Endowmen Keusahawanan *UTM-MTDC Signature Program* yang telah diperakukan oleh Universiti adalah seperti di bawah:

- a. Terbuka kepada semua pelajar prasiswazah UTM warganegara yang masih aktif dalam pengajian.
- b. Pelajar memiliki sekurang-kurangnya PNGK 2.5 ke atas.
- c. Keutamaan diberikan kepada pelajar yang mempunyai idea produk yang telah dipertandingkan di mana-mana peringkat dan mempunyai potensi untuk dikomersilkan atau mempunyai cadangan produk melalui kelas projek yang berhasrat untuk mengembangkan hasil produk.
- d. Seorang pelajar hanya boleh mengemukakan satu permohonan Tabung Endowmen Keusahawanan *UTM-MTDC Signature Program*.
- e. Permohonan yang tidak lengkap dan dihantar selepas tarikh tamat permohonan adalah ditolak dan tidak dipertimbangkan.
- f. Pelajar pada semester akhir yang ingin memohon perlu mempunyai syarikat dan telah menjalankan perniagaan.

## 2.2 Syarat Khusus

- a. Mempunyai perniagaan yang sah dan berdaftar di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM) **kecuali** bagi permohonan di bawah RM5,000.00.
- b. Mempunyai sijil *UTMXCITE Student Startup*.
- c. Telah menjalankan perniagaan dalam tempoh seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1

Jumlah Permohonan Geran	RM5,000	RM5001 – RM10,000	RM10,001 – RM20,000	RM20,001 – RM30,000
Tempoh perniagaan	2 – 6 bulan	6 bulan	12 bulan	18 bulan

- d. Mempunyai pelan perancangan perniagaan.
- e. Mempunyai struktur akaun syarikat / rekod kewangan **kecuali** bagi permohonan di bawah RM5,000.00.

## 3.0 Kriteria Permohonan

- 3.1 Permohonan dari semua bidang perniagaan adalah digalakkan. Keutamaan diberikan kepada permohonan yang berkaitan dengan (5) *Nich Area* berikut:
  - a. Kecerdasan Buatan
  - b. Imej Realiti Tertambah
  - c. Robotik dan Automasi
  - d. Automasi dalam Kelestarian
  - e. Teknologi Revolusi Industri 4.0

## 4.0 Siling dan Tempoh Program

- 4.1 Jumlah siling bagi setiap permohonan Tabung Endowmen Keusahawanan *UTM-MTDC Signature Program* adalah seperti Jadual 2 berikut:

Jadual 2

Bil	Jenis Program	Tempoh Pelaksanaan (bulan)	Amaun (RM)
1.	Advance	18	30,000.00
2.	Intermediate	12	20,000.00
3.	NOV 1	6	10,000.00
4.	NOV 2	2 - 6	5,000.00

## 6.0 Peraturan Kewangan

- 6.1 Perbelanjaan projek yang terlibat/berkaitan dengan program usahawan sahaja dibenarkan. Setiap pelajar perlu mematuhi peraturan kewangan bagi setiap perbelanjaan seperti di dalam Jadual 3 berikut:

Jadual 3

BIL	KETERANGAN	JUMLAH MAX YANG BOLEH DIBELANJAKAN - CAPPING (%)
1.	Bekalan dan bahan keperluan pembangunan projek	40
2.	Aksesori, Peralatan dan Perisian	10
3.	Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan	15
4.	Upah dan Elaun	15
5.	Perjalanan dan Pengangkutan	10
5.	Perhubungan komunikasi dan Utiliti	5
7.	Sewaan	5

- 6.2 Peratusan belanjawan Jadual 3 ini boleh diubah berdasarkan kertas kerja pembentangan permohonan dan diluluskan oleh jawatankuasa panel penilai.
- 6.3 Perbelanjaan dibenarkan dalam **tempoh aktif** program. Pelajar diwajibkan memantau dan membuat perbelanjaan berdasarkan peruntukan yang telah

**diluluskan sahaja.** Peruntukan yang tidak habis digunakan dalam tempoh yang ditetapkan akan **LUPUT**.

- 6.4 Setiap kelulusan dan pembelian aset/inventori perlu dikemukakan semasa pemantauan geran. Setiap pembelian aset/inventori perlu melalui UTMXCITE untuk tujuan penerimaan, pendaftaran, pemantauan dan rekod.
- 6.5 Aset dan inventori yang dibeli adalah milik syarikat pelajar. Namun, jika terdapat ketidakpatuhan pelajar seperti yang tercatat dalam klausa 14, pelajar **WAJIB** memulangkan semula segala aset dan inventori yang telah dibeli.

## 7.0 Hasil Projek

- 7.1 Hasil projek yang perlu dicapai oleh pelajar adalah seperti jadual 4 berikut:

Jadual 4

Bil.	Jenis Program	Hasil Projek
1	Advance	1. Produk 2. Bukti / rekod jualan
2	Intermediate	1. Produk 2. Bukti / rekod jualan
3	NOV 1	1. Prototaip / produk 2. Bukti / rekod jualan
4	NOV 2	1. Prototaip / produk

- 7.2 Pelajar perlu memastikan pencapaian hasil projek seperti yang dinyatakan.
- 7.3 Deklarasi perlu dinyatakan dengan jelas sekiranya terdapat konflik kepentingan (*conflict of interest*) antara ahli kumpulan projek, kolaborator serta pembekal peralatan/perkhidmatan contohnya dari aspek hubungan kekeluargaan, kenalan dan pemegang saham industri kolaborasi.
- 7.4 Hasil jualan produk adalah milik syarikat pelajar. Walaubagaimanapun, melalui Tabung Endowmen Keusahawanan *UTM-MTDC Signature Program* ini, sumbangan kepada universiti adalah digalakkan.

## 8.0 Penilaian

- 8.1 Permohonan Tabung Endowmen Keusahawanan *UTM-MTDC Signature Program* akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik.
- 8.2 Pemohon hendaklah membentangkan perancangan projek semasa sesi penilaian termasuk belanjawan secara terperinci.
- 8.3 Panel Penilai akan menilai tahapan projek pelajar, keselarasan cadangan projek mengikut kriteria projek, mencadangkan perubahan atau bersetuju

dengan idea projek serta memberi justikasi awal nilai geran yang sepatutnya diberikan kepada pemohon.

- 8.4 Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria garis panduan Tabung Endowmen Keusahawanan *UTM-MTDC Signature Program*.

## **9.0 Keputusan dan Penawaran**

- 9.1 Keputusan penilaian akan diperakukan oleh Jawatankuasa Panel Penilai dan keputusan adalah MUKTAMAD.
- 9.2 Projek yang diluluskan perlu didaftarkan di UTMXCITE.
- 9.3 Peruntukan geran yang telah diluluskan akan diagihkan secara berfasa dan bergantung kepada prestasi projek.

## **10.0 Pemantauan Geran**

- 10.1 Pemantauan secara berkala akan dilaksanakan sepanjang tempoh pelaksanaan projek.
- 10.2 Selepas 2 bulan pertama, laporan prestasi dan kemajuan kewangan projek perlu dikemukakan kepada urusetia UTMXCITE. Lawatan tapak akan dilakukan sekiranya perlu. Laporan seterusnya perlu dikemukakan setiap sebulan (1) sekali sehingga tamat tempoh pelaksanaan projek. Format pelaporan status prestasi kemajuan projek dan kewangan mengikut borang yang disediakan dan perlu disahkan oleh UTMXCITE.
- 10.3 Mekanisme pemantauan projek adalah berdasarkan pencapaian projek yang telah ditetapkan bagi setiap bulan berikutnya:
- a. Perlu hadir sesi pembentangan dan pelaporan kemajuan bagi tujuan perekodan (secara bersemuka untuk lawatan tapak, atau atas talian).
  - b. Memastikan projek yang dilaksanakan mematuhi skop dan objektif asal yang diluluskan. Sebarang perubahan hendaklah perlu mendapat kelulusan UTMXCITE secara bertulis.
  - c. Laporan kewangan dan dokumen perbelanjaan hendaklah dikemukakan kepada UTMXCITE.
  - d. Pelajar yang menerima geran perlu menyediakan rekod pertemuan sebagai pelaporan kehadiran mereka ke bengkel, latihan, bimbingan yang telah ditetapkan atau ditawarkan oleh UTMXCITE atau agensi yang difikirkan sesuai atau pertemuan bersama mentor.
- 10.4 Sekiranya prestasi dan pencapaian (pembangunan produk / jualan) didapati tidak memuaskan, UTMXCITE berhak untuk mengambil sewajarnya.

## **11.0 Pelanjutan Tempoh Geran**

- 11.1 Sebarang permohonan perlanjutan tempoh projek akan dipertimbangkan mengikut justikasi yang diberikan.

## **12.0 Tanggungjawab Pelajar**

- 12.1 Mengisi maklumat projek mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.
- 12.2 Membangunkan produk mengikut tahap yang ditetapkan.
- 12.3 Menghadiri program latihan dan khidmat yang ditawarkan oleh UTMXCITE atau mana-mana anjuran lain yang bersesuaian.
- 12.4 Membenteng dan menyediakan laporan kemajuan dan kewangan mengikut garis masa yang ditetapkan.
- 12.5 Menyediakan rekod pertemuan dengan mentor yang dilantik oleh UTMXCITE.
- 12.6 Tidak membelanjakan geran yang diperuntukkan selain daripada skop dan objektif yang telah diluluskan.
- 12.7 Menyediakan dokumen untuk pendaftaran Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) jika diperlukan.

## **13.0 Tanggungjawab UTMXCITE**

- 13.1 Mempromosi program kepada pelajar.
- 13.2 Menyediakan garis panduan permohonan geran usahawan.
- 13.3 Melantik dan mengurus Jawatankuasa Panel Penilai (mengikut Terma rujukan)
- 13.4 Melaksanakan pemantauan projek
- 13.5 Menguruskan perbelanjaan dan aktiviti Tabung Endowmen Keusahawanan *UTM-MTDC Signature Program* untuk Syarikat Pemula Pelajar secara keseluruhan.
- 13.6 Menawarkan kepakaran mentor yang sesuai dalam bidang berdasarkan pembangunan produk yang ingin dicapai (jika perlu).
- 13.7 Mendaftarkan produk yang berpotensi dikomersilkan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).
- 13.8 Menawarkan siri latihan dan khidmat nasihat keusahawanan.

## **14.0 Ketidapatuhan Pelaksanaan Projek**

- 14.1 Ketidapatuhan Pelajar
  - a. Tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam surat kelulusan.
  - b. Perbelanjaan tidak mengikut kaedah yang dibenarkan dan tidak mendapat

kelulusan daripada pihak UTMXCITE.

- c. Kemajuan projek sangat perlahan atau tiada kemajuan sepanjang pelaksanaan bermula daripada tempoh kelulusan.
- d. Pelajar tidak menjalankan tanggungjawab seperti yang dinyatakan dalam garis panduan penerima geran.
- e. Prestasi akademik pelajar yang merosot sepanjang tempoh pelaksanaan.
- f. Pelajar mempunyai masalah disiplin.

#### 14.2 Tindakan UTMXCITE

- a. Menahan baki bayaran permohonan peruntukan.
- b. Menamatkan projek atau menyenarai hitamkan pelajar.
- c. Pelajar wajib memulangkan semula baki geran yang telah disalurkan dan semua aset yang telah dibeli (jika ada).